Unsur-unsur ilustrasi yang menyokong cerpen serta menarik minat generasi muda adalah untuk membaca dan menjadikan pengajaran dalam kehidupan masyarakat. Teknik mempersembahkan sesuatu latar atau tokoh oleh para penulis dikemukakan secara langsung oleh penulis di mana penulis menceritakan segala-gala mengenai latar belakang cerita malah kadang-kadang sekaligus memberikan komennya. Apa yang sering dilihat adalah tentang latar menjadi menjadikan cerita meleret-leret dan terlalu panjang ceritanya. Selalunya keadaan ini menjemukan pembaca. Akibatnya lukisan latarnya tidak lagi merupakan hasil dari imajinasinya, melainkan penerangan yang benar belaka sehingga nilai-nilai seninya tidak terasakan. Beberapa orang penulis yang kebanyakannya penulis-penulis tempatan menulis cerpen dalam akhbar memperlihatkan unsur-unsur yang demikian. Amat jelas bahawa lukisan tentang latar tempat atau suasana ceritanya dipengaruhi oleh bakat di mana terdapat lukisan yang bukanlah ilustrasi latar yang berunsur sastera tetapi merupakan penerangan seperti yang biasa ditemui dalam kehidupannya.

Kajian ini wajar dilakukan untuk membuktikan bahawa unsur-unsur ilustrasi menjadi penguat untuk menarik minat pembaca cerpen Tamil. Oleh yang demikian pengkaji bercadang untuk mengkaji elemen-elemen dalam ilustrasi yang membantu cerpen Tamil supaya diminati oleh pembaca. Kelompangan ini dapat diisi dengan kajian ringkas ini. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengkaji cerpen Tamil yang bergantung pada ilustrasi supaya kajian ini menjadi satu





contoh kepada pengkaji lain pada masa yang akan datang. Di samping itu, kajian ini akan memberi laluan kepada generasi muda bahawa cerpen Tamil perlu diperluaskan dengan sokongan ilustrasi.

Media massa memainkan peranan penting dalam menyebarkan karya-karya ilustrasi untuk kepentingan imej visual. Bahan bercetak juga merupakan tapak bagi para pencipta karya. Ini bermakna selain kanvas, medium kertas juga digunakan sebagai bahan penerbitan. Karya-karya ilustrasi ini wajar dikaji dan dibuat penyelidikan. Tambahan lagi, kajian mengenai ilustrasi agak terhad. Mengkaji mengenai makna sesebuah karya agak kurang (Chadwick, 1991).

Sesuatu ilustrasi adalah untuk menerangkan atau menghiasi suatu cerita, tulisan, puisi, dan mesej yang ingin disampaikan (Johari Ab.Hamid, 2004). Maka, dengan bantuan visual, tulisan tersebut lebih mudah difahami oleh para pembaca. Dalam media cetak, ilustrasi merupakan salah satu media yang menampilkan gagasan melalui tokoh atau simbol (Kusrianto, 2007). Dalam pada itu, ilustrasi membentuk suasana emosional dan lebih mudah difahami jika dibandingkan dengan tulisan.

Ilustrasi dalam cerpen-cerpen oleh penulis tempatan yang diterbitkan dalam akhbar Harian Malaysia *Nanban* edisi hari Ahad '*Nyaayiru Nanban*' mampu menarik minat pembaca. Ilustrasi mampu menambah nilai cerpen dan menarik minat generasi pada masa kini untuk membaca dan menjadikan pengajaran dalam kehidupan mereka.

Para pembaca akhbar biasanya melihat visual terlebih dahulu sebelum membaca sesuatu (Brooks, Pinson, dan Sissor, 1997). Biasanya bahan visual akan



merangsangkan minat seseorang yang melihatnya sebelum membaca. Selain itu, teknik mempersembahkan sesuatu latar atau tokoh oleh para penulis dikemukakan secara langsung, di mana penulis menceritakan suasana mengenai latar belakang cerita (Kusrianto, 2007). Contohnya jalan cerita dalam sesebuah cerpen terlalu panjang ceritanya. Selalunya keadaan ini menjemukan pembaca. Akibatnya lukisan latar tidak lagi merupakan hasil imajinasinya, melainkan penerangan yang benar belaka sehingga nilai-nilai seninya tidak dirasakan. Beberapa orang penulis dalam kalangan penulis-penulis tempatan yang menulis cerpen dalam akhbar memperlihatkan unsur-unsur yang sedemikian. Ilustrasi tentang latar tempat atau perwatakan ceritanya dipengaruhi oleh bakat di mana terdapat lukisan yang bukanlah ilustrasian latar yang berunsur sastera tetapi merupakan penerangan seperti yang biasa ditemui dalam kehidupannya. Ilustrasi memainkan peranan penting dalam bidang penulisan (Muhammad, 2009).

Ilustrasi yang diterbitkan dalam media cetak hanya menarik minat para pembaca cerpen. Malahan para pembaca tidak pernah mengkaji atau mengetahui makna atau mesej yang ingin disampaikan oleh pelukis ilustrasi cerpen tersebut selepas membaca (Adnan, 2015). Maka ilustrasi tersebut hanya menjadi bahan sokongan cerpen. Tetapi setiap ilustrasi yang dilukis mempunyai tanda-tanda bermakna yang tersembunyi.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji makna dan mesej dalam sesebuah ilustrasi berdasarkan teori yang mempunyai empat jenis elemen iaitu fizikal, perwatakan, perbuatan dan latar persekitaran. Tambahan pula, analisis terhadap ilustrasi pelbagai media cetak dijalankan. Akan tetapi kajian mengenai pelbagai ilustrasi cerpen jarang dijalankan secara terperinci dengan menggunakan teori semiotik: Spesifikasi Dyer. Oleh itu, pengkaji telah mengkaji bahan media cetak akhbar iaitu



cerpen dan menganalisa karya ilustrasi cerpen menggunakan teori semiotik: Spesifikasi Dyer 1982. Kini persoalannya, bagaimanakah penghuraian mengenai tanda-tanda ilustrasi sesebuah karya dijalankan untuk mencapai objektif kajian? Dalam usaha ini pengkaji perlu mencari jawapan bagi persoalan tersebut dengan menghuraikan tanda-tanda dalam ilustrasi cerpen. Akhbar Harian Malaysia *Nanban* edisi hari Ahad ‘*Nyaayiru Nanban*’ merupakan sumber utama dalam sesuatu kajian ilmiah ini. Persoalan ini penting bagi menghuraikan mesej yang cuba disampaikan berdasarkan teori semiotik: Dyer.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut. Objektif khusus kajian ini telah digubal berdasarkan pernyataan masalah kajian. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Menjelaskan peranan ilustrasi dalam cerpen.
- 1.4.2 Mengenal pasti dan menyenaraikan elemen-elemen yang terkandung dalam ilustrasi cerpen Kashvi berdasarkan Teori Semiotik- Spesifikasi Dyer (1982).
- 1.4.3 Menghuraikan makna tanda-tanda semiotik yang terkandung dalam cerpen Tamil Kashvi berdasarkan Teori Semiotik- Spesifikasi Dyer (1982).

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan peranan ilustrasi dalam cerpen dengan mengenalpasti dan menyenaraikan elemen-elemen ilustrasi serta menghuraikan makna tanda-tanda berdasarkan Teori Semiotik- Spesifikasi Dyer (1982).



1.4 Soalan Kajian

Soalan kajian, merupakan spekulasi atau persoalan yang ditimbulkan dalam pernyataan masalah, maka pembentukannya perlu selaras dengan objektif kajian. Tiada soalan kajian yang boleh berdiri sendiri tanpa merujuk kepada objektif kajian. Dibawah setiap objektif kajian, terdapat satu atau lebih daripada satu soalan kajian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi jawapan kepada beberapa soalan penyelidikan. Bagi menjawab objektif kajian tersebut, berikut adalah persoalan kajian:

1.4.1 Bagaimanakah ilustrasi memainkan peranan dalam cerpen Tamil?

1.4.2 Bagaimanakah elemen-elemen Semiotik Dyer dapat diuraikan dalam ilustrasi Kashvi dalam cerpen Tamil?

1.4.3 Apakah fizikal tubuh diilustrasikan oleh Kashvi?

1.4.4 Apakah perwatakan yang ditunjukkan dalam ilustrasi Kashvi?

1.4.5 Apakah perbuatan atau perlakuan yang diilustrasikan oleh Kashvi?

1.4.6 Apakah latar persekitaran yang ditunjukkan oleh Kashvi?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat mengukur kepentingan dan kefahaman pengetahuan dalam ilustrasi dalam cerpen. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada penghayatan cerpen Tamil yang menerangkan makna ilustrasi. Kajian ini juga diharap memberi kesedaran dan mendorong para peminat kesusasteraan untuk mengenali cerpen Tamil dengan lebih dekat lagi.

Perkembangan seni dalam kesusasteraan terus menampilkan pelbagai gaya, cita rasa dan konsep tersendiri. Sesebuah lukisan boleh diilustrasikan apa saja secara tampak. Dari himpunan garisan-garisan kasar dan halus, malah selembur garisan pun boleh digubah menjadi lukisan sebagaimana kata,

“A drawing can be composed of a single line”.

(Capon, 1995)

Justeru, ilustrasi-ilustrasi yang dilukis khas untuk cerpen mampu menarik minat pembaca untuk menghayati lakaran dan ceritanya. Dalam pada itu, watak-watak dalam cerpen menjadi sasaran pelukis dan diolah menggunakan garisan dan jalinan. Oleh sebab watak diutamakan dalam cerpen maka ia menjadi latar dalam ilustrasi dan pemerhatian pelukis lebih berkaitan kepada menampilkan motif watak-watak tersebut. Akhirnya, dengan melihat ilustrasi para pembaca cerpen dalam akhbar akan meneroka mesej yang ingin disampaikan oleh pelukis berkenaan.

Aspek pemikiran masyarakat yang mempunyai minat untuk membaca berserta dengan ilustrasi yang berkaitan dengan cerpen, membuktikan kajian ini penting. Hasil kajian ini dijangka memberi sumbangan dengan menyerlahkan ketokohan seniman dan tanda-tanda ilustrasi yang menjadi tumpuan kajian. Kajian dijalankan dengan menggunakan teori semiotik akan memperkayakan pengetahuan tentang tanda-tanda makna dan mesej yang ingin disampaikan secara terperinci.

Ilustrasi dalam cerpen dikatakan sebagai manifestasi daripada perasaan dan fikiran dengan berbagai-bagai cara dan bentuk. Ia dapat dihasil dan dikembangkan



dalam pelbagai bidang termasuk seni sastera. Selain itu, ilustrasi dicipta oleh pelukis merupakan sumbangan dari fikiran yang kreatif dan senimannya yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Karya yang dihasilkan itu perlukan penghayatan masyarakat. Penghayatan tersebut mempunyai banyak kebaikan yang boleh diperolehi. Antaranya mendidik masyarakat, menanam semangat muhibah antara kaum, bersatu padu, saying menyayangi dan lain-lain lagi (Mohd Johari, 2008).

Kajian ini memberi penekanan terhadap aspek semiotik kerana ia memberi peluang kepada pengkaji bagi mengenal pasti kepentingan aplikasi ikon, indeks, dan simbol dalam penghasilan karya yang bermutu. Seseengah pengkaji masih belum memahami tentang unsur-unsur ikon, indeks dan simbol yang akan didedahkan secara terperinci melalui analisis karya ilustrasi yang dihasilkan oleh pelukis.



Kajian ini juga dapat menyumbangkan penemuan-penemuan baharu dalam ilustrasi cerpen terutamanya dalam bahan-bahan penerbitan. Malah penerimaan akan menyemarakkan lagi karya kesusasteraan. Kajian ini juga menambahkan khazanah disiplin ilmu sastera dalam sejarah perkembangan cerpen yang dibantu oleh seni terutamanya di peringkat pengajian tinggi serta bermanfaat sebagai bahan rujukan kepada pelajar-pelajar pasca siswazah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi yang khusus dalam bidang sejarah kesusasteraan di tanah air. Selain itu, kajian ini juga penting bagi mengimbangi penulisan dan penyelidikan yang lebih banyak bertumpu kepada karya-karya kesusasteraan dan seni ilustrasi. Genre lain seperti ilustrasi juga wajar diberi tumpuan kerana ia juga adalah sebahagian daripada disiplin ilmu kesusasteraan (Ahmad, 1994).





Oleh itu, kesimpulan yang boleh dikatakan di sini adalah menunjukkan bahawa kajian ini adalah penting untuk mengetahui segala mesej yang tersirat dan tersurat yang hendak disampaikan melalui ilustrasi cerpen. Penulisan seseorang penulis tempatan adalah ringkas dan mudah difahami tetapi jika diteliti dengan lebih mendalam terdapat maksud tersirat yang perlu diperjelaskan dengan bantuan ilustrasi. Ia juga mempermudah pemahaman terhadap mesej yang cuba disampaikan.

1.6 Batasan Kajian

Batasan kajian ini adalah kepada cerpen-cerpen karya penulis tempatan yang diterbitkan dalam akhbar Tamil di Malaysia sahaja. Pengkaji menjalankan kajian terperinci tentang kepentingan kesenian dalam cerpen Tamil yang merupakan karya daripada penulis tempatan di Malaysia. Kajian ini hanya menumpukan terhadap ilustrasi-ilustrasi cerpen yang diterbitkan dalam akhbar Tamil Malaysia *Nanban: Nyayiru Nanban* sahaja. Akhbar ini diterbitkan setiap hari Ahad dengan tambahan edisi pada hari tersebut dengan nama *Nyayiru Nanban*.

Kajian ini telah mengkaji hasil ilustrasi pelukis Kashvi yang diterbitkan dalam akhbar Harian Malaysia *Nanban* edisi hari Ahad '*Nyaayiru Nanban*' dari bulan Januari hingga Jun tahun 2018 (keluaran edisi Ahad). Sebanyak dua puluh empat (24) ilustrasi beliau dipilih sebagai data kajian.

Kaedah analisis ilustrasi cerpen adalah dengan menggunakan Teori Semiotik Dyer yang memfokuskan tanda-tanda makna secara mendalam dengan menghuraikan



elemen-elemen karya ilustrasi tersebut. Antara elemen-elemen yang dikaji adalah fizikal tubuh, perwatakan, perbuatan/perlakuan dan latar belakang ilustrasi.

1.7 Sumber Kajian

Sumber kajian yang digunakan bagi kajian ini adalah berdasarkan dua sumber. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Berikut adalah penerangan mengenai kedua-dua jenis sumber kajian yang digunakan.

1.7.1 Sumber Primer

Sumber primer merupakan sumber utama yang digunakan untuk kajian ini. Maka, penyelidik telah membuat penelitian terhadap cerpen dan ilustrasi cerpen daripada keratan akhbar Harian Malaysia *Nanban* edisi hari Ahad '*Nyaayiru Nanban*'. Cerpen dan ilustrasi cerpen dijadikan bahan utama untuk membantu penyelidik mengkaji elemen-elemen berdasarkan teori semiotik Dyer.

1.7.2 Sumber Sekunder

Penyelidik menggunakan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan sebagai rujukan. Dalam sumber ini, penyelidik menggunakan bahan rujukan lain yang berkaitan dan membantu dalam membuat kajian. Penggunaan sumber sekunder yang telah digunakan berdasarkan bahan-bahan cetak seperti bahan disertasi,



tesis, jurnal, bahan dari internet dan buku-buku rujukan berkaitan dengan cerpen, ilustrasi dan teori.

1.8 Definisi Operasional

Bagi memahami dan menghayati kajian ini, pengkaji akan menerangkan definisi bagi perkataan dan rangkai kata penting yang digunakan dalam kajian ini. Perkataan dan rangkai kata tersebut adalah seperti berikut: Cerpen, Karya Ilustrasi, Teori Semiotik, Spesifikasi Gillian Dyer.

1.8.1 Cerpen



cerita rekaan atau cereka dalam bentuk prosa yang relatif pendek (Othman Puteh, 1999). Hashim Awang, (1986) pula mendefinisikan bahawa cerpen sebagai bentuk cereka pendek yang membawa satu persoalan bagi menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. Cerpen memusatkan diri pada satu watak dalam suatu situasi di suatu tempat dan ketika. Pendapat yang hampir sama turut dikemukakan oleh Writers Encyclopedia yang mengatakan,

“the short story is built on a theme rather than a complex plot...cover a brief period of time and has a few characters on scenes as possible, it must be effective without background, description or extra words, relying totally on characterization, conflict and resolution.”

(Writers Encyclopedia, 1996)





Cerpen ialah cerita berdasarkan fakta dengan imaginasi. Dengan ini boleh dirumuskan bahawa cerpen ialah satu gabungan yang tidak seimbang antara pengalaman atau realiti yang benar-benar berlaku dengan rekaan atau imaginasi penulis. Panjangnya cerpen ialah antara 5,000 hingga 20000 patah perkataan (Othman Puteh, 1999).

Cerpen adalah naratif prosa yang dicipta lebih pendek daripada novel biasanya berurusan dengan beberapa watak dan bertujuan untuk perpaduan dan sering menumpukan pada penciptaan mod daripada plot. Cerpen mungkin bersifat deskriptif, naratif, dan bersifat puitis atau dramatik yang pantas, bergantung pada dialog tajam dengan hampir tidak ada perihalan sama sekali (Herdiani, 2015). Penulis cerpen tidak mempunyai kemewahan memperkenalkan dan mengembangkan watak-watak dengan santai. Permintaan fiksiyen ringkas yang menetapkan dan aksara ditubuhkan dengan cepat dan cekap, mengaitkan pembaca dalam perenggan pertama walaupun dalam baris pertama.

Jika pengarang tidak pasti dengan cerita, pembaca akan tahu, dan akan menilai dengan kasar. Nada, suara, gaya, atmosfera dan sudut pandang, semuanya perlu ditimbang dengan teliti. Penulisan mestilah mempunyai keperluan, ringkas, dalam setiap adegan, pertukaran dialog, tindakan untuk sesuatu tujuan (Sianipar, 2005). Terdapat juga orang-orang yang mengatakan bahawa cerpen bukan tatabahasa, corak atau sifat. Satu tradisi baharu dua abad telah berlalu untuk cerpen.

Pada awal abad ke-20, idea-idea telah muncul mengenai watak umum cerpen. Berdasarkan ini, penyelidik telah menunjuk beberapa garis panduan untuk cerpen tersebut. Penulis Agilan (1976), mengatakan bahawa cerpen merupakan ganre sastera





yang mengandung ciri-ciri tersendiri. Beliau juga menyatakan bahawa, cerpen adalah karya ringkas yang mengisahkan suatu masalah atau peristiwa yang dihadapi oleh seseorang individu atau pun watak utama dalam cerita tersebut.

1.8.2 Ilustrasi

Ilustrasi bermaksud gambar lukisan untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu (dalam buku, majalah) merupakan maksud daripada kamus dewan bahasa dan pustaka edisi keempat (2015). Menurut Webster's New World College Dictionary (2018), takrif ilustrasi ialah gambar, lukisan atau tindakan membuat lukisan, merupakan contoh yang digunakan untuk menjelaskan atau membuktikan sesuatu.

Tambahan pula, ilustrasi boleh juga membawa maksud menggambarkan atau digambarkan seperti contoh, kisah, analogi, dan lain-lain yang digunakan untuk membantu menjelaskan atau membuat sesuatu yang jelas, ilustrasi, reka bentuk, gambar rajah, dan sebagainya yang digunakan untuk menghiasi atau menerangkan sesuatu.

Menurut, Jan D. White (1982), menjelaskan bahawa ilustrasi adalah sebuah tanda yang tampak di atas kertas, yang mampu mengkomunikasikan permasalahan tanpa menggunakan kata malah ia boleh menggambarkan seseorang, suasana ataupun objek tertentu. Manakala Baldinger (1998), pula berkata bahawa ilustrasi adalah seni membuat ilustrasi yang berfungsi untuk memperjelas dan menerangkan naskah.





Menurut, Jahari (2008) dalam bukunya, mengatakan bahawa kefahaman terhadap sesuatu karya seni boleh menjadi satu asas untuk mengembangkan pemikiran dan kreativiti manusia. Ia juga membantu seseorang individu itu untuk menjana dan mencipta perkembangan ilmu ke arah yang lebih berkesan dan mendalam.

1.8.3 Semiotik

Secara umum, semiotik didefinisikan sebagai teori falsafah umum yang berkaitan dengan penghasilan tanda-tanda dan simbol-simbol sebagai sebahagian daripada sistem kod yang digunakan untuk mengkomunikasikan informasi. Semiotik meliputi tanda-tanda visual dan verbal serta semua tanda atau signal yang boleh diakses dan diterima oleh seluruh pancaindera yang kita miliki. Tanda-tanda tersebut membentuk sistem kod yang sistematik menyampaikan informasi atau mesej secara tertulis di setiap kegiatan dan perilaku manusia (Delaellyrosa, E. V. (2016).

Semiotik biasanya didefinisikan sebagai teori falsafah umum yang berkenaan dengan produksi tanda-tanda dan simbol-simbol. Ia dikatakan sebagai sistem kod yang digunakan untuk mengkomunikasikan informasi verbal serta '*tactile*' dan '*olfactory*'. Dalam pada itu, semua tanda atau *signal* boleh diakses dan boleh diterima oleh seluruh deria yang kita miliki. Ia menyampaikan informasi atau mesej secara tertulis pada setiap kegiatan dan perilaku manusia. Semiotik merupakan ilmu yang mempelajari sederetan luas objek-objek yang ada dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana tanda adalah sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain yang mungkin berupa pengalaman fikiran, perasaan, gagasan dan lain-lain (Ferdinand de Saussure, 1972).





Selain itu, menurut Zulkifli (2007), semiotik bermaksud pengetahuan yang bersangkutan dengan tanda dan pendapat ini terus disokong dengan menyatakan semiotik adalah ilmu yang mencakupi pelbagai disiplin ilmu yang ada seperti kajian bahasa terutamanya tanda (*sign*), seni bina dan reka bentuk visual.

Chandler, (2002), menghuraikan bahawa semiotik itu sesuatu yang kita katakan atau kaitkan mengenai 'tanda' dalam percakapan harian. Ia juga mengenai apa sahaja 'yang mewakili' sesuatu yang lain. Dalam kefahaman semiotik ini, tanda mendapat bentuknya dari perkataan, ilustrasi, bunyi, gestura dan benda-benda. Bagi ahli semiotik mereka sebenarnya mengkaji bagaimana makna dicipta dan bagaimana sesuatu 'realiti' itu dipersembahkan.



Namun begitu ilmu ini dianggap sebagai fenomena sosial masyarakat dan kebudayaan itu merupakan tanda-tanda semiotik yang mempelajari sistem-sistem, aturan-aturan dan kaitan-kaitan yang meyakinkan bahawa tanda-tanda tersebut mempunyai makna. Dalam kajian semiotik terdapat unsur-unsur sintaksis dan semantik.

Jyh Wee Sew (2016), menyatakan bahawa semiotik agak terbatas pada hubungan penanda dan rujukan. Perhitungan ikon, indeks dan simbol dalam analisis novel-novel menunjukkan bahawa kajian semiotik dalam novel Anwar Ridhwan hanya mengemukakan istilah semiotik sebagai satu katalog penganalisan novel Melayu.





1.8.4 Spesifikasi Gillian Dyer

Teori Semiotik Peirce (1839-1914) iaitu triadik atau trikotomi digunakan dengan penghuraianya menggunakan jadual Spesifikasi Dyer (1982). Ia digunakan agar tanda boleh berfungsi disebut '*ground*'. Kesenambungan, tanda (*sign* atau *reprsenter*) biasanya terdapat dalam hubungan 'triadik' dan melalui penghuraian dan dikembangkan melalui spesifikasi elemen berdasarkan Dyer (1982) secara terperinci.

Dyer, (1986), berpendapat bahawa "Orang yang berbeza 'membaca' dan mentafsir teks dengan cara dan ia mungkin untuk bertanya kumpulan pengguna yang berbeza bagaimana mereka mentafsir atau memahami teks tertentu " (Dyer, 1986). Mengikut pendapat tersebut, jelas bahawa teks boleh ditafsirkan dan pemahaman oleh rakyat dengan cara mereka sendiri. Teks adalah perkara penting dalam sesuatu iklan atau ilustrasi. Apabila seseorang menganalisis teks, dia dapat memahami makna teks iaitu analisis bukan tekstual dan analisis teks. Dalam analisis bukan tekstual, untuk mengenal pasti makna teks yang perlu ditanyakan pengeluar atau penulis mungkin hidup atau tinggal jauh. Analisis teks adalah berdasarkan pada makna yang ditakrifkan kepada teks oleh seorang penyelidik. Mereka akan menjelaskan apa-apa kekaburan dalam teks, dan membawa makna tersembunyi.

1.8.5 Malaysia Nanban

Sejarah media sebaran am di negara ini bermula dengan media cetak, sama seperti kebanyakan media sebaran am di negara lain. Akhbar Malaysia dengan masyarakatnya



yang berbilang bangsa, mempunyai akhbar yang mewakili kaum masing-masing iaitu Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil.

Akhbar Tamil Malaysia *Nanban* ini diterbitkan pada 1 Mei 1981 dan dikenali sebagai Tamil Osai, dan dimiliki sepenuhnya oleh Sivalinggam (Tamil Vaanan, 1987). Balakrishnan, telah dilantik menjadi pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat Tamil Osai (Krishnan, 1988).

Penerbitan Akhbar Tamil Osai diperhentikan operasinya. Tamil Osai beroperasi semula pada April 1990 dengan nama Malaysia *Nanban* dibawah pentadbiran Aathikumanan. Namun, kini Malaysia *Nanban* merupakan salah satu akhbar dalam Bahasa Tamil yang utama di Malaysia.

1.9 Kesimpulan

Tidak semua agenda cerpen dalam sesuatu cerpen dilukiskan ilustrasinya. Ilustrasi yang dilukis berdasarkan tema cerpen yang dicipta. Walau bagaimanapun, tidak semestinya lukisan yang dibuat sebelum membaca cerpen menggalakkan perspektif pembaca untuk memberi inspirasi kepada pembaca untuk membaca dan menulisnya serta mencungkil bakat pembaca untuk menulis cerpen pada masa kelak. Kajian ini adalah berasaskan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen bercetak yang mengandungi teks dan ilustrasi yang pernah diterbitkan di negara ini. Dalam kajian ini juga, pengkaji cuba menjelaskan konsep semiotik yang diasaskan oleh Charles Sanders Pierce (1839-1914) dengan semua ilustrasi yang dihasilkan oleh pelukis Kashvi dalam cerpen dalam akhbar



Tamil. Seterusnya pengkaji cuba menghuraikan mesej yang terdapat dalam cerpen dengan ilustrasi Kahsvi dengan Teori semiotik Dyer (1982). Bahan-bahan kajian telah dikupas secara terperinci bagi memperjelasannya kepada pembaca. Kajian ini membuktikan juga kepada khalayak bahawa seorang yang tidak pernah mendapatkan pendidikan secara formal dalam bidang seni juga masih mampu memahami dan membuat perkaitan dalam menghasilkan karya ilustrasi dengan menggunakan Teori Semiotik Dyer (1982) tanpa disedari.

